



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN KAEDAH PEMBACAAN BUKU CERITA BERTAHAP TERHADAP KEMAHIRAN PEMUNCULAN LITERASI KANAK-KANAK PRASEKOLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

ZAINIAH MOHAMED ISA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN KAEDAH PEMBACAAN BUKU CERITA BERTAHAP
TERHADAP KEMAHIRAN PEMUNCULAN LITERASI KANAK-KANAK
PRASEKOLAH

ZAINIAH MOHAMED ISA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Bacalah (wahai Muhamad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia mencipta manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha pemurah. Yang mengajar melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

(Surah Al-‘Alaq, ayat 1-5)

Tiada daya bagiku hanya atas kehendakMu ya Allah. Alhamdulillah, syukur kerana dengan izinNya, membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia iaitu Prof. Madya Dr. Sali Zaliha Mustapha dan Prof. Madya Dr. Abdul Malik Abdul Rahman yang banyak memberi bantuan dan dorongan. Seribu penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris, pihak Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia yang memberikan peluang bagi saya menyambung pengajian, rakan-rakan setugas dan pelajar-pelajar yang sentiasa memberikan galakan. Dengan sepenuh kasih sayang kepada ibu bapa, suami (Mohd Salleh Daim), anak-anak (Syahiirah, Mohd Syukri, Syahidah dan Syuhaidah) serta kesemua ahli keluarga dan sahabat yang sentiasa menemani perjalanan ini.

Semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat terhadap bidang literasi awal kanak-kanak yang saya cintai. Insya Allah.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan kaedah pembacaan buku cerita bertahap terhadap kemahiran pemunculan literasi kanak-kanak prasekolah. Kajian yang dijalankan berbentuk eksperimen melibatkan kanak-kanak prasekolah berusia 5-6 tahun. Seramai 68 orang Pembaca Tahap 1 dan 70 orang Pembaca Tahap 2 telah dipilih. Sampel dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Kumpulan rawatan dibacakan buku cerita yang telah diubah suai mengikut garis panduan buku cerita bertahap, sementara kumpulan kawalan dibacakan buku cerita yang tidak diubah suai. Kanak-kanak daripada ke dua-dua kumpulan melakukan pembacaan buku cerita selama 20 minit sehari selama 8 minggu. Kesemua kanak-kanak melalui ujian pra dan juga ujian pos bagi mendapatkan maklumat peningkatan kemahiran literasi mereka. Analisis MANOVA dijalankan bagi melihat perbezaan antara kumpulan rawatan dan kawalan. Hasil ujian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek pencapaian pemunculan literasi bagi Pembaca Tahap 1 [$F(1,66)=2.868$, $p<.05$], tetapi perbezaan yang signifikan kepada Pembaca Tahap 2 [$F(1,68)=19.49$, $p<.05$]. Seterusnya, Ujian *F-Univariate* dilaksanakan bagi menentukan faktor peramal terhadap pencapaian literasi Pembaca Tahap 1 dan Pembaca Tahap 2. Hasil dapatan bagi Pembaca Tahap 1 menunjukkan pembacaan buku cerita bertahap hanya dapat meningkatkan pencapaian fonemik dan fonetik, sementara bagi Pembaca Tahap 2 pula didapati peningkatan bukan sahaja dalam pencapaian fonemik dan fonetik, tetapi strategi membaca, dan juga kefahaman. Ujian Regresi Pelbagai dijalankan bagi menentukan item bagi kemahiran literasi dan item ini seterusnya dipadankan dengan kriteria buku cerita bagi Pembaca Tahap 1 dan Tahap 2 bagi menyarankan kriteria buku cerita Tahap 1 dan 2. Kajian ini telah menetapkan ciri-ciri Pembaca Tahap 1 dan Tahap 2 yang dapat dijadikan panduan bagi guru-guru membina instruksi pembelajaran dan pengajaran membaca bagi kanak-kanak tadika di Malaysia. Kriteria buku cerita yang dicadangkan juga akan dapat membantu dalam pemilihan bahan bacaan yang sesuai dan juga dapat dijadikan panduan bagi penulisan buku kanak-kanak. Kesimpulannya kajian ini membuktikan pembacaan buku cerita bertahap sesuai digunakan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Kata Kunci: pemunculan literasi, bacaan awal, buku bacaan bertahap, dan kanak-kanak prasekolah.



THE EFFECTIVENESS OF READING LEVELLED STORYBOOK ON PRESCHOOL CHILDREN'S EMERGENT LITERACY SKILLS

ABSTRACT

The aim of this study is to ascertain the effectiveness of reading multileveled storybooks by preschool children on their emergent literacy skills. By using experimental research design, data was collected from preschool children aged 5 – 6. 68 samples of level 1 readers and 70 samples of level 2 readers were selected and the samples were divided into treatment and control groups. The treatment group read books that were modified based on the different leveled storybook guidelines, whereas the control group read books that were not modified. Children from both groups read storybooks for 20 minutes a day for 8 weeks. All the children went through pretest and post test to detect their achievement in the literacy skills. Analysis of the MANOVA Test was conducted to identify the differences between the treatment and control groups. The result indicate that there is no significant difference in terms of literacy achievement for level 1 readers [$F(1, 66) = 2868, p < .05$]. However, it was significant for level 2 readers [$F(1, 68) = 19:49, p < .05$]. Next, an *F-Univariate* test was conducted to identify the predictors of literacy achievement for level 1 and level 2 readers. The results for Level 1 Readers shows that reading different level storybooks increases their phonemic and phonetic performance. Furthermore, the results for level 2 readers not only shows an increase in the phonemic and phonetic performance, but also with the reading strategies and comprehension. A Multiple Regression test was also conducted to extract items that influence children's literacy performance and these items were matched with the criteria for level 1 and level 2 storybooks to propose the criteria of storybooks for Level 1 and Level 2. This study suggested the characteristics for Level 1 and Level 2 readers as a guide for teachers to develop reading instruction for preschool children in Malaysia. Leveled storybook's criteria can be used as guide for selecting and writing children's storybook. In conclusion, this study proves that reading leveled storybooks is appropriate for preschool children in Malaysia.

Keywords: emergent literacy, early reading, different level book, readers level, and preschool children.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH	xvi

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Soalan Kajian	9
1.5	Hipotesis Kajian	9
1.5.1	Hipotesis bagi Pembaca Tahap 1	10
1.5.2	Hipotesis bagi Pembaca Tahap 2	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	12
1.8	Definisi Istilah	14
1.8.1	Pemunculan Literasi	14
1.8.2	Kanak-kanak Prasekolah	15
1.8.3	Buku Cerita	16
1.8.4	Tahap Pembaca	16

1.8.5	Buku Bertahap	17
1.8.6	Konsep Cetakan	18
1.8.7	Strategi Membaca	18
1.8.8	Kesedaran Fonemik dan Fonetik	19
1.8.9	Kefahaman	20
1.9	Kesimpulan	20

BAB DUA TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Model Proses Membaca	22
2.2.1	Model Bawah ke Atas	22
2.2.2	Model Atas ke Bawah	24
2.2.3	Model Interaktif	26
2.3	Pemunculan Literasi (<i>Emergent Literacy</i>)	29
2.4	Tahap Pembaca	37
2.4.1	Tahap 1 (Pembaca Baharu)	37
2.4.2	Tahap 2 (Pembaca Awal)	38
2.4.3	Tahap 3 (Pembaca Lancar)	39
2.5	Kajian Kepentingan Buku Cerita terhadap Kanak-kanak	41
2.6	Buku Bertahap	47
2.6.1	Kriteria Buku Cerita Tahap 1	52
2.6.2	Kriteria Buku Cerita Tahap 2	54
2.7	Kajian Pelaksanaan Pembacaan Buku Bertahap	56
2.8	Kajian-kajian berkaitan Kemahiran Pemunculan Literasi	72
2.8.1	Konsep Cetakan	76

2.8.2	Kesedaran Fonemik dan Fonetik	80
2.8.3	Strategi Membaca	93
2.8.4	Kefahaman	96
2.9	Kesimpulan	102

BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	104
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	104
3.3	Lokasi Kajian	106
3.4	Reka Bentuk Kajian	108
3.5	Prosedur Pelaksanaan Kajian	109
3.5.1	Pemilihan Pembaca Tahap 1 dan Tahap 2	110
3.5.2	Ujian Pra	111
3.5.3	Perlaksanaan Intervensi	111
3.5.4	Ujian Pos	113
3.6	Prosedur Persampelan Kajian	114
3.7	Alat Ukur Kajian	122
3.7.1	Proses Terjemahan LEARNs	124
3.7.2	Kebolehpercayaan Alat Pengukuran	125
3.7.3	Kesahan Alat Pengukuran	127
3.7.4	Komponen Literasi	128
3.7.4.1	Konsep Cetakan	129
3.7.4.2	Strategi Membaca	129
3.7.4.3	Fonemik dan Fonetik	130
3.7.4.4	Kefahaman	131

3.8	Penyediaan Kriteria Buku berdasarkan Tahap Bacaan	132
3.9	Prosedur Pelaksanaan Pembacaan Buku Bertahap	139
3.10	Jadual Pelaksanaan dalam Bilik Darjah	141
3.11	Kaedah Pengumpulan Data	142
3.12	Prosedur Penganalisisan Data	142
3.13	Etika Penyelidikan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak	143
3.14	Ujian Rintis	144
3.15	Pemboleh Ubah Kajian	145
3.15.1	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (PTB)	145
3.15.2	Pemboleh Ubah Bersandar (PB)	146
3.16	Kesimpulan	146

4.1	Pengenalan	147
4.2	Penetapan Kriteria Buku Cerita Bertahap	147
4.3	Analisis Ujian Pra	149
4.4	Analisis Pembaca Tahap 1	152
4.4.1	Analisis Perbezaan Pembaca Tahap 1	152
4.4.2	Analisis Faktor Peramal Pembaca Tahap 1	157
4.4.2.1	Komponen Fonemik dan Fonetik	158
4.4.2.2	Penetapan Kriteria Buku Cerita Tahap 1 yang Signifikan	159
4.5	Analisis bagi Pembaca Tahap 2	161
4.5.1	Perbezaan Pencapaian Literasi	161
4.5.2	Faktor Peramal	166

4.5.2.1	Komponen Fonemik dan Fonetik	168
4.5.2.2	Komponen Strategi Membaca	170
4.5.2.3	Komponen Kefahaman	171
4.6	Penetapan Kriteria Buku Cerita Tahap 2 yang Signifikan	174
4.7	Kesimpulan	177

BAB LIMA PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	181
5.2	Kriteria Buku Cerita yang Sesuai bagi Kanak-kanak Prasekolah	183
5.2.1	Kriteria Buku Cerita Tahap 1	184
5.2.2	Kriteria Buku Pembaca Tahap 2	187
5.3	Kesan Penggunaan Buku Bertahap terhadap Kanak-kanak Prasekolah	196
5.4	Faktor Kemahiran Literasi Kanak-kanak Prasekolah	201
5.5	Komponen-komponen Literasi	203
5.5.1	Kemahiran Konsep Cetakan	204
5.5.2	Kemahiran Fonemik dan Fonetik	209
5.5.3	Kemahiran Strategi Pembaca	218
5.5.4	Kemahiran Kefahaman	221
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	225
5.7	Cadangan Keseluruhan Kajian	227
5.8	Sumbangan Kajian	228
5.9	Kesimpulan	229

RUJUKAN	232
----------------	------------

**LAMPIRAN**

A	Perbandingan Ciri-ciri Buku Bertahap	248
B	Contoh Buku Cerita Tahap 1	253
C	Contoh Buku Cerita Tahap 2	265
D	Terjemahan Alat Pengukuran	274
E	Kesahan PKLK oleh Pakar	282
F	Kesahan PKLK oleh Guru	310
G	Analisis Kebolehpercayaan PKLK	317
H	Borang PKLK Tahap 1 dan Tahap 2	328
I	Buku Panduan Guru	335
J	Surat Kebenaran Ibu Bapa	376
K	Analisis Data Tahap 1	379
L	Analisis Data Tahap 2	393
M	Ujian T Pra Pencapaian Tahap 1 dan Tahap 2	420



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Sampel Kajian mengikut Umur dan Jantina	105
3.2 Pembahagian Sampel Kumpulan Rawatan dan Kawalan bagi Sekolah A dan Sekolah B	120
3.3 Prosedur Membangunkan Borang PKLK	123
3.4 Garis Panduan Penentuan Kriteria Buku Cerita bagi Tahap 1 (Pembaca Baharu)	134
3.5 Garis Panduan Penentuan Kriteria Buku Cerita bagi Tahap 2 (Pembaca Awal)	137
3.6 Senarai Buku Cerita Tahap 1 dan Tahap 2	141
4.1 Ujian T <i>Group Statistic</i> Pembaca Tahap 1	150
4.2 Ujian T Sampel Bebas Pembaca Tahap 1	150
4.3 Ujian T <i>Group Statistic</i> Pembaca Tahap 2	151
4.4 Ujian T Sampel Bebas Pembaca Tahap 2	151
4.5 Ujian <i>Manova</i> Menunjukkan Kesan Penggunaan Buku Berperingkat terhadap Pencapaian Tahap Literasi Pembaca Baharu (Tahap 1)	154
4.6 Ujian-F <i>Univariat</i> bagi Mengenal Pasti Pemboleh Ubah Bersandar yang Berbeza secara Signifikan	155
4.7 Garis Panduan Buku Cerita Kanak-kanak Tahap 1	159
4.8 Ujian <i>Manova</i> menunjukkan Kesan Penggunaan Buku Berperingkat terhadap Pencapaian Tahap Literasi Pembaca Awal	162
4.9 Ujian-F <i>Univariat</i> bagi Mengenal Pasti Pemboleh Ubah Bersandar yang Berbeza secara Signifikan	164
4.10 Padanan Komponen Fonemik dan Fonetik dengan Ciri-ciri Buku Cerita bagi Pembaca Tahap 2	174
4.11 Padanan Komponen Strategi Pembaca dengan Ciri-ciri Buku Cerita bagi Pembaca Tahap 2	175



4.12	Padanan Komponen Kefahaman dengan Ciri-ciri Buku Cerita bagi Pembaca Tahap 2 dengan Ciri-ciri Buku Cerita bagi Pembaca Tahap 2	176
4.13	Ringkasan Hasil Analisis Kajian bagi Pembaca Tahap 1	178
4.14	Ringkasan Hasil Analisis Kajian bagi Pembaca Tahap 2	179



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Konseptual Teori Pemunculan Literasi	36
2.2 Kerangka Konseptual Kajian	40
3.1 Pembahagian Kanak-kanak semasa Sesi Pembacaan Buku Cerita	112
3.2 Prosedur Pelaksanaan Kajian	114
3.3 Pembahagian Sampel bagi Sekolah A	118
3.4 Pembahagian Sampel bagi Sekolah B	120
3.5 Pembahagian Sampel Secara Berpasangan	122
4.1 Pencapaian Pembaca Tahap 1	157
4.2 Pencapaian Literasi bagi Pembaca Tahap 2	166
5.1 Rumusan Dapatan Kajian bagi Pembaca Tahap 1	230
5.2 Rumusan Dapatan Kajian bagi Pembaca Tahap 2	231

SENARAI SINGKATAN / SIMBOL / TATANAMA / ISTILAH

3M	Kemahiran Asas Membaca, Menulis, dan Mengira
BSC	<i>Bank Street College of Education</i>
CIERA	<i>Center for the Improvement of Early Reading Achievement</i>
ELRP	<i>Early Literacy Research Project</i>
ERLI	<i>Emergent Reader Literacy Model</i>
IRA	<i>International Reading Association</i>
KIA2M	Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis
KK	Kumpulan Kawalan
KR	Kumpulan Rawatan
LEARNs	<i>Literacy Assessment Profile</i>
LINUS	Ujian Literasi dan Numerasi
LiPS	<i>Lindamood Phonemic Sequencing</i>
MLU	<i>Mean Length Utterance</i>
NAEYC	<i>National Association of Young Children</i>
NRP	<i>National Reading Panel</i>
NWREL	<i>Northwest Regional Educational Laboratory</i>
PB	Pemboleh Ubah Bersandar
PKLK	Pentaksiran Kemahiran Literasi Kanak-kanak
PLP	<i>Preschool Literacy Project</i>
PPU	Purata Panjang Ujaran
PTB	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar
Sek.	Sekolah
SEM-R	<i>Schoolwide Enrichment Model for Reading</i>



SPSS

Statistical Package for Social Science

UNESCO

*United Nations Educational, Scientific and Cultural
Organization*

R

Ahli yang terlibat dalam kajian dipilih secara rawak kepada
kumpulan rawatan ataupun kumpulan kawalan.

O

Kedua-dua kumpulan diberikan ujian pra O1.

X

Kumpulan rawatan diberikan intervensi sementara kumpulan
kawalan diberikan alternatif.

O

Kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan diberikan
ujian pos.

p

Bilangan Sampel
Nilai Kebarangkalian

df

Degree of Freedom

f

Frequency

Sig.

Signifikan

 β

Beta

<

Kurang Daripada

=

Sama Dengan

>

Lebih Daripada





BAB SATU

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kemahiran literasi meliputi kemahiran bertutur, mendengar, membaca, menulis dan juga melihat (International Reading Association, 1998). Oleh itu membaca ialah sebahagian daripada kemahiran literasi dan kemahiran ini penting dan perlu dikuasai oleh kanak-kanak semasa di tadika lagi. Ini kerana menurut Allor dan McCathren (2003), jika masalah membaca yang bermula pada peringkat awal iaitu peringkat pemerolehan pembacaan ini tidak diatasi segera, ianya pasti akan berlarutan. Justeru itu adalah amat kritikal bagi kanak-kanak yang mengalami masalah membaca atau yang berkemungkinan akan mengalami masalah membaca mendapat bantuan secepat mungkin. Ini kerana menurut teori “*Matthew-effect*”, jika dibiarkan permasalahan yang kecil dalam bacaan semasa kanak-kanak pada peringkat awal, ianya akan





menjadi lebih serius lagi apabila mereka di sekolah rendah dan seterusnya di sekolah menengah (Stanovich, 1986).

Di Malaysia, pandangan sebegini perlu diambil serius kerana menurut Pengarah Pelajaran Malaysia, bilangan pelajar Tahun 1 di Semenanjung Malaysia yang tidak boleh membaca dan menulis bahasa Melayu merangkumi 35.52 peratus atau bersamaan dengan 138,271 orang murid daripada keseluruhan murid yang berjumlah 392,029 orang murid Tahun 1 (138,271 tak tahu baca, 2006). Pada tahun 2010 pula, masalah membaca masih lagi merupakan masalah utama dalam pendidikan di Malaysia apabila Timbalan Perdana Menteri telah mendedahkan sebanyak 60 peratus murid Tahap 1 di sekolah seluruh negara masih belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) (Guru punca pelajar, 2010).



Kenyataan Bersama *International Reading Association* dan *The National Association for the Education of Young Children* (International Reading Association [IRA], 2000a) juga menyatakan adalah perlu bagi memastikan kanak-kanak yang memasuki persekolahan telah mempunyai pengetahuan literasi yang secukupnya sebagai titik permulaan bagi mengelakkan mereka daripada menghadapi masalah pembacaan semasa di sekolah rendah kelak.

Justeru, guru prasekolah perlu bertindak proaktif bagi memastikan kanak-kanak prasekolah boleh membaca sebelum mereka melangkah ke sekolah rendah kerana sememangnya kebolehan membaca dan memahami apa yang dibaca amat penting bagi kanak-kanak. Ini adalah selari dengan matlamat pendidikan prasekolah di Malaysia yang telah menetapkan adalah amat penting bagi kanak-kanak prasekolah





untuk boleh membaca sebelum mereka melangkah ke sekolah rendah. Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2009), fokus utama Tunjang Komunikasi ialah Kemahiran Bahasa dan Seni Bahasa. Kemahiran Bahasa merangkumi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kurikulum tersebut juga menyatakan bahan yang digunakan perlu sesuai dengan peringkat perkembangan kanak-kanak.

Dalam konteks Malaysia, pihak sekolah perlu memainkan peranan penting kerana ibu bapa di negara ini masih lagi bersikap pasif terhadap pendidikan anak-anak mereka. Ini disokong oleh dapatan kajian Zainiah, Sali Zaliha, Abd. Aziz, dan Ismail (2010) yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian literasi kanak-kanak antara ibu bapa yang menggunakan modul literasi di rumah dengan ibu bapa yang tidak menggunakan modul literasi di rumah. Kajian yang dilakukan oleh Zainiah (2005) juga menunjukkan bilangan pembacaan buku cerita di rumah belum boleh lagi dikatakan sebagai rutin harian. Sekiranya membaca merupakan rutin harian kanak-kanak daripada keluarga yang mengamalkan aktiviti literasi sebagai amalan di rumah, selalunya mereka memahami tentang konsep cetakan (Purcell-Gates, 2000). Namun di Malaysia, masih ramai kanak-kanak yang datang ke sekolah tanpa pendedahan literasi dan juga yang mendapat pendedahan pelbagai peringkat, ini menyebabkan kanak-kanak yang datang ke tadika memiliki kebolehan literasi yang berbeza-beza.

Berdasarkan senario ini, terpulang kepada guru bagi mengatasi masalah kepelbagaian kebolehan awal membaca ini semasa pengajaran dan pembelajaran





bacaan di tadika. Clay (1990) dalam program *Reading Recovery* telah mencadangkan penggunaan bahan bacaan yang berpadanan dengan tahap pembacaan kanak-kanak. Teale dan Sulzby (1986) turut menyatakan buku bertahap membolehkan kanak-kanak berdikari dalam aktiviti menulis dan membaca dengan mengambil kira tahap perkembangan individu yang berbeza.

Ini menunjukkan kanak-kanak prasekolah memerlukan bahan bacaan di dalam kelas yang berpadanan dengan peringkat pembacaan mereka. Mereka juga memerlukan bahan bacaan yang boleh mereka kuasai dan pada masa yang sama memberikan sedikit cabaran kerana ini akan membolehkan kanak-kanak memperoleh keyakinan diri bahawa dia juga berkebolehan membaca. Ini disokong Teale dan Sulzby (1986) yang menyatakan pemeringkatan buku membolehkan kanak-kanak berdikari dalam aktiviti menulis dan membaca dengan mengambil kira tahap perkembangan individu yang berbeza.

Kajian Johnston (1998) menyokong kenyataan ini kerana beliau mendapati pembaca yang baik menggunakan pelbagai strategi bagi membaca buku kegemaran mereka. Oleh itu, buku yang sesuai dengan tahap kebolehan pembacaan kanak-kanak dipercayai dapat membantu mereka membaca dengan menggunakan pelbagai strategi. Antara kaedah yang paling berkesan ialah memperkenalkan teks mudah berpandu dan bacaan bersama di bilik darjah semenjak hari pertama persekolahan. Walaupun kanak-kanak tidak boleh membaca menerusi pembacaan yang sebenar tetapi dengan cara menghafal dan menggunakan gambar sebagai petunjuk, sudah pasti kanak-kanak ini akan suka membaca dan yakin dengan kebolehan mereka sebagai pembaca.





1.2 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2009, pihak Kementerian Pelajaran melalui Bahagian Perkembangan Kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum) telah melakukan perubahan terhadap Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003) dengan menggantikannya menjadi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2009). Tujuan proses perubahan ini adalah untuk membolehkan setiap murid yang mendapat pendidikan awal mampu menguasai kemahiran-kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira sebagai persediaan bagi mereka memasuki Tahun 1.

Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil dalam aspek meningkatkan lagi pedagogi membaca kanak-kanak agar masalah pembacaan ini dapat diatasi bagi menjamin tiada kanak-kanak yang ketinggalan dalam mendapatkan kemahiran membaca. Ini kerana beberapa kajian lepas menunjukkan kanak-kanak yang tidak memperoleh kemahiran literasi pada tiga tahun pertama persekolahan berkemungkinan besar akan menghadapi masalah yang serius pada masa hadapan (Cunningham et al., 2005). Dalam dunia yang serba-serbi memerlukan kemahiran literasi, adalah penting bagi guru mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perkembangan literasi dan juga kebolehan untuk membuat ramalan tentang kemungkinan-kemungkinan berlakunya masalah literasi bagi peringkat awal kanak-kanak. Ini kerana jika kanak-kanak gagal mempelajari literasi pada tahun-tahun awal persekolahan, peluang untuk mereka menjadi pembaca yang mahir akan terjejas (Snow, Burns & Griffin, 1998). Oleh itu, guru perlu mencari cara yang paling berkesan untuk menarik perhatian kanak-kanak untuk belajar membaca agar kanak-





kanak berasa yakin untuk berusaha membaca, seterusnya membuat eksplorasi pembacaan secara berdikari. Ini adalah wajar kerana salah satu objektif utama dalam pendidikan prasekolah ialah memastikan kanak-kanak prasekolah menguasai kebolehan asas membaca iaitu boleh membaca ayat yang mudah sebelum melangkah kaki ke Tahun 1 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

Menurut kajian yang dibuat oleh Zainiah dan Norila (2008) tentang ciri-ciri dan kesesuaian buku cerita kanak-kanak yang terdapat di dalam bilik darjah Prasekolah, antara faktor yang menyumbang kepada tahap membaca yang rendah dalam kalangan kanak-kanak adalah bahan bacaan yang tidak menarik dan buku yang tidak sesuai. Sehubungan dengan itu, kajian tinjauan telah dilakukan untuk mengenal pasti ciri-ciri buku cerita dari segi jenis cerita, kategori buku, watak utama, latar cerita, jenis warna, saiz ilustrasi, jenis gambar ilustrasi, saiz huruf dan saiz buku yang terdapat di dalam bilik darjah prasekolah. Sejumlah 417 buah buku telah dianalisis mengikut kategori tiga tahap pembaca iaitu pembaca baru, pembaca awal dan pembaca maju. Hasil kajian ini mendapati bagi pembaca baharu 78 peratus buku cerita yang melebihi 16 muka surat, 71 peratus buku memiliki lebih daripada 4 perkataan dalam satu ayat dan kebanyakan buku bagi pembaca baharu ini mempunyai perbendaharaan kata kurang sesuai. Bagi pembaca awal pula kebanyakan jumlah ayat adalah kurang sesuai dan ayat yang mudah agak kurang digunakan.

Penggunaan buku yang sesuai adalah penting kerana berdasarkan kajian Bahagian Teknologi Pendidikan (1997), antara faktor yang menyebabkan tahap membaca yang rendah dalam kalangan murid ialah bahan bacaan tidak menarik dan buku yang tidak sesuai. Perkara ini berlaku kerana kanak-kanak yang berada di





prasekolah mempunyai tahap membaca yang berbeza-beza. Terdapat kanak-kanak yang baru terdedah kepada sistem cetakan dan membaca, mula membaca tetapi belum menguasai pembacaan, dan telah menguasai pembacaan. Walau bagaimanapun, guru tidak mengambil berat tentang perbezaan tahap-tahap kemahiran literasi tersebut (McGill-Franzen, Lanford & Adams, 2002). Berkemungkinan kanak-kanak yang mendapat bahan bacaan yang melebihi tahap pembacaannya akan sukar membaca bahan tersebut dan menyebabkan mereka berasa kecewa. Oleh itu, jika dibiarkan penyediaan buku yang tidak setara dengan tahap pembacaan kanak-kanak berlarutan, masalah membaca akan terus menjadi masalah utama dalam sistem pendidikan kita.

Oleh kerana kanak-kanak prasekolah terdiri daripada latar belakang yang pelbagai, suatu kaedah yang dapat memenuhi setiap keperluan kanak-kanak tersebut amat diperlukan. Menurut Tay (2005), keadaan di sekolah dan kurikulum sekolah yang lebih menekankan perkembangan individu dan pengajaran menuntut para pendidik mencari bahan pengajaran yang dianggap bersesuaian dengan tahap bacaan dan kebolehan murid atau sekelompok murid. Dzaldov dan Peterson (2005) pula menyatakan kanak-kanak datang daripada pelbagai latar sosial, budaya, dan pengalaman. Penggunaan buku berperingkat dapat mengurangkan jurang perbezaan ini apabila buku dapat dipadankan dengan pembaca. Tujuan memadankan buku dengan kanak-kanak mengikut pemeringkatan bacaan mereka adalah supaya kanak-kanak dapat memilih buku yang mudah dibaca oleh mereka tanpa rasa kecewa. Justeru, guru, ibu bapa dan penulis buku perlu mengambil berat tentang masalah menyesuaikan bahan bacaan dengan kebolehan membaca murid-murid (Khadijah Rohani, 2001). Ini kerana sekiranya pemilihan buku atau bahan bacaan yang tidak sesuai dengan tahap kebolehbacaan, berkemungkinan besar akan menyebabkan murid-





murid gagal menguasai maklumat yang ingin disampaikan dan secara tidak langsung melemahkan keinginan untuk belajar (Tay, 2006).

Melihat pada pengaruh penggunaan buku cerita bertahap terhadap kemahiran membaca kanak-kanak yang pelbagai, maka kajian ini memfokuskan terhadap penyediaan suatu kriteria buku bertahap yang sesuai digunakan oleh kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Oleh itu, pada akhir penyelidikan ini, pengkaji dapat mencadangkan kriteria buku yang sepadan dengan peringkat pembaca tertentu dan juga menguji kesan penggunaan buku-buku tersebut terhadap pencapaian literasi kanak-kanak di bilik darjah prasekolah.



Objektif am kajian adalah untuk;

1. Menentukan kesan pembacaan buku cerita bertahap terhadap kemahiran pemunculan literasi kanak-kanak prasekolah.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk;

1. Menentukan kriteria buku cerita yang sesuai mengikut Tahap 1 dan Tahap 2 bagi buku ceritakanak-kanak prasekolah.
2. Menentukan kesan penggunaan buku cerita bertahap terhadap peningkatan literasi kanak-kanak.
3. Menentukan faktor peramal terhadap pencapaian literasi Pembaca Tahap 1 dan Pembaca Tahap 2.





1.4 Soalan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji berharap dapat menjawab tiga soalan kajian iaitu;

1. Apakah kriteria buku cerita yang sesuai bagi Pembaca Tahap 1 dan Pembaca Tahap 2 bagi kanak-kanak prasekolah (lima hingga enam tahun) di Malaysia?
2. Adakah terdapat perbezaan peningkatan literasi (konsep cetakan, kefahaman, fonemik dan fonetik, serta strategi membaca) bagi kanak-kanak kumpulan rawatan, selepas mereka dibacakan buku bertahap (Tahap1 dan Tahap 2) berbanding dengan kumpulan kawalan yang tidak menggunakan buku bertahap?
3. Apakah faktor peramal bagi pencapaian literasi Pembaca Tahap 1 dan Pembaca Tahap 2?



1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis kajian dibentuk bagi untuk menentukan sama ada buku bertahap dapat memberikan kesan terhadap tahap pemunculan literasi kanak-kanak prasekolah.

Hipotesis-hipotesis bagi kajian adalah seperti berikut;





1.5.1 Hipotesis bagi Pembaca Tahap 1

a) Hipotesis 1:

H_0 : Tidak terdapat perbezaan pencapaian literasi antara Pembaca Tahap 1 yang dibacakan buku bertahap dengan kumpulan kawalan yang tidak dibacakan buku bertahap.

b) Hipotesis 2:

H_0 : Tidak terdapat perbezaan pencapaian literasi iaitu dari segi kemahiran konsep cetakan, fonemik dan fonetik, strategi pembaca, dan kefahaman antara Pembaca Tahap 1 yang dibacakan buku bertahap dengan kumpulan kawalan yang tidak dibacakan buku bertahap.



c) Hipotesis 3:

H_0 : Kemahiran konsep cetakan, fonemik dan fonetik, strategi pembaca, dan kefahaman bukan faktor peramal bagi pencapaian literasi Pembaca Tahap 1.

1.5.2 Hipotesis bagi Pembaca Tahap 2

a) Hipotesis 4:

H_0 : Tidak terdapat perbezaan pencapaian literasi antara Pembaca Tahap 2 yang dibacakan buku bertahap dengan kumpulan kawalan yang tidak dibacakan buku bertahap.





b) Hipotesis 5:

H_0 : Tidak terdapat perbezaan pencapaian literasi iaitudari segi kemahiran konsep cetakan, fonemik dan fonetik, strategi pembaca, dan kefahaman antara Pembaca Tahap 2 yang dibacakan buku bertahap dengan kumpulan kawalan yang tidak dibacakan buku bertahap.

c) Hipotesis 6:

H_0 : Kemahiran konsep cetakan, fonemik dan fonetik, strategi pembaca, dan kefahaman bukan merupakan faktor peramal bagi pencapaian literasi Pembaca Tahap 2.



Menurut teori pemunculan literasi, fokus komponen literasi kanak-kanak adalah berbeza bagi setiap tahap pembaca bergantung pada tahap pembacaan mereka. Walker (2003) menyatakan amat penting bagi tahap Pembaca Baharu memiliki kemahiran konsep cetakan yang merupakan kemahiran asas bagi teori pemunculan literasi. Seterusnya, kemahiran fonemik dan fonetik bagi Tahap Pembaca Awal, dan seterusnya kemahiran kefahaman dan kelancaran bagi Tahap Pembaca Maju. Oleh itu, wajar bagi kanak-kanak prasekolah disediakan dengan buku-buku bacaan mengikut tahap bacaan mereka kerana kajian menunjukkan kanak-kanak membina pengetahuan literasi secara berkembang (Whitehurst & Lonigan, 2001) sepertimana yang dinyatakan oleh Walker (2003) secara terperinci.





Oleh itu, pengkaji merasakan kajian ini amat berguna bagi mengenal pasti kriteria buku yang sesuai untuk kanak-kanak prasekolah yang mempunyai pelbagai tahap kebolehan pembacaan iaitu; Tahap Pembaca Baharu, Tahap Pembaca Awal, dan Tahap Pembaca Maju dalam konteks kanak-kanak di Malaysia. Kajian ini juga dapat menyediakan suatu kriteria bagi buku bertahap kanak-kanak bagi Pembaca Tahap 1 dan Pembaca Tahap 2 yang berada di dalam bilik darjah prasekolah di negara ini. Selain itu, kajian ini juga dapat mengenalpasti komponen literasi yang signifikan bagi Pembaca Tahap 1 dan Pembaca Tahap 2 bagi keperluan guru prasekolah dalam menyediakan perancangan pengajaran dan pembelajaran bacaan bagi mereka. Hasil dapatan ini dapat menjadi panduan kepada penerbit dan penulis-penulis buku apabila hendak menghasilkan bahan bacaan bagi kanak-kanak prasekolah serta membantu ibu bapa dan guru dalam memilih bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak prasekolah.



Oleh kerana kajian ini bukan sahaja berfaedah kepada kanak-kanak prasekolah, maka ianya patut dijadikan landasan bagi pemilihan bahan bacaan di peringkat umur yang lain pula pada masa akan datang.

1.7 Batasan Kajian

Bahagian ini membincangkan had-had yang dapat dikaji dalam penyelidikan ini berasaskan persoalan kajian yang dijalankan. Antaranya, kajian ini adalah terhad kepada bahan bacaan bahasa Melayu sahaja, tidak termasuk bahan bacaan daripada bahasa-bahasa yang lain.





Kajian ini juga ditujukan khusus terhadap kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun sahaja yang menjadi sampel dalam kajian ini. Bagi kanak-kanak yang berumur lebih muda iaitu mereka yang berada di taska, kajian yang lain perlu dijalankan bagi melihat tahap literasi mereka yang amat berbeza dengan tahap literasi sampel dalam kajian ini. Justeru, sebarang hasil dapatan kajian ini tidak sesuai digunakan terhadap mereka.

Kajian ini juga tidak melihat dari sudut perbezaan jantina. Berkemungkinan jantina yang berlainan mempunyai tahap pembacaan yang berlainan dan ciri-ciri strategi membaca yang berlainan. Kekangan dari segi jantina ini adalah kerana bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang tidak seimbang semasa kajian dijalankan menyebabkan pengkaji tidak mengambil kira faktor jantina semasa analisis.



Sampel kajian ini juga hanya melibatkan lebih kurang 70 orang kanak-kanak sahaja bagi satu tahap pembaca. Persampelan kajian ini juga terhad kepada kanak-kanak yang berada di dalam tadika di suatu daerah sahaja. Maka, kajian lanjutan yang melibatkan sampel yang lebih besar perlu dilakukan. Ini bermakna, kajian ini tidak dapat mewakili hasil kajian kanak-kanak prasekolah di seluruh negara.

Dalam sudut penggunaan bahan bacaan pula, kajian ini hanya melihat buku cerita kanak-kanak dalam aspek keperluan pembacaan kanak-kanak dan bukannya dalam aspek keindahan kesusasteraan. Ini kerana fokus kajian ini ialah penghasilan buku cerita untuk keperluan kanak-kanak yang baru mula membaca. Oleh itu, hanya kriteria yang memudahkan proses pemerolehan bacaan sahaja yang diambil kira oleh pengkaji. Selain itu, kajian ini hanya menumpukan buku cerita kanak-kanak sahaja



dan tidak merangkumi bukan fiksyen walaupun bahan bacaan tersebut merupakan bahan bacaan kanak-kanak.

Selain itu, kajian ini juga tidak dapat mengawal minat dan dedikasi personaliti guru yang juga mempengaruhi minat kanak-kanak terhadap buku.

1.8 Definisi Istilah

Istilah-istilah yang dijelaskan oleh pengkaji merangkumi beberapa aspek utama berdasarkan pemahaman umum dan pemahaman dalam konteks kajian ini.

1.8.1 Pemunculan Literasi

Dalam kajian ini, adalah amat penting untuk memahami maksud pemunculan literasi yang menjadi teori utama kajian.

Menurut Neuman dan Roskos (1998), pemunculan literasi ialah suatu proses berterusan pemahaman kanak-kanak terhadap pembacaan semasa mereka berkembang ke arah membaca dan menulis yang sebenarnya. Bagi Burns, Griffin dan Snow (1999) dalam '*Starting Out Right*' pula menyatakan membaca ialah apabila kanak-kanak berjaya menguasai tiga elemen utama. Pertama, mereka dapat mengenal cetakan perkataan dengan menyambung bunyi-bunyi huruf dan juga perkataan-perkataan yang biasa mereka lihat. Kedua, mereka boleh menggunakan pengetahuan lalu,



perbendaharaan kata, dan kefahaman untuk membaca bagi mendapatkan makna yang tertentu. Ketiga, mereka membaca dengan lancar seperti mereka boleh mengenal perkataan dengan sepintas lalu supaya apa yang dibaca difahami dan aktiviti membaca menjadi pengalaman yang menyeronokkan.

Dalam kajian ini pemunculan literasi merujuk kepada proses membaca kanak-kanak yang bermula dari pendedahan kanak-kanak kepada pembacaan buku sehingga kanak-kanak boleh membaca secara sebenarnya.

1.8.2 Kanak-kanak Prasekolah



Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kanak-kanak prasekolah adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur empat hingga tujuh tahun (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Dalam peringkat umur prasekolah, kanak-kanak baru mula mendekati proses pembacaan. Dalam peringkat ini, mereka akan melalui beberapa tahap iaitu Pembaca Baharu, Pembaca Awal, dan Pembaca Lancar.

Dalam kajian ini maksud kanak-kanak prasekolah adalah kanak-kanak yang berusia lima ke enam tahun yang belajar di prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.





1.8.3 Buku Cerita

Bagi kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan buku cerita bergambar kerana ramai penulis mendapati buku jenis ini amat sesuai bagi pembacaan kanak-kanak. Misalnya, Sulzby dan William (1985) mencadangkan penggunaan gambar dan teks bagi membina pemaknaan kepada kanak-kanak dalam proses mereka melangkah kepada membaca yang sebenarnya. Menurut Tucker (1988), panjang cerita dalam buku bergambar sepatutnya tidak melebihi 2000 patah perkataan bagi tujuan memelihara daya penumpuan kanak-kanak terhadap cerita tersebut. Antara ciri-ciri buku bergambar yang baik menurut beliau ialah gambar yang terdapat dalam cerita mampu memberikan maklumat tentang teks yang dibaca.



Dalam kajian ini buku cerita bergambar merujuk kepada buku cerita bergambar yang menggunakan ayat-ayat mudah.



1.8.4 Tahap Pembaca

Kanak-kanak yang berada di prasekolah terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai kebolehan membaca. Secara keseluruhannya, mereka boleh digolongkan kepada tiga kumpulan iaitu lemah, sederhana dan menguasai pembacaan. Menurut Mowat (1999), Tahap 1 ialah proses membaca bergantung simbol atau lambang. Tahap 2 pula merujuk pada pengecaman secara visual, iaitu kanak-kanak membaca dengan menganalisis perkataan berasaskan huruf-huruf yang tertera. Seterusnya, Tahap 3 merujuk pada membaca menggunakan bunyi huruf dan strategi membaca.



Dalam kajian ini tahap pembaca merujuk pada:

- a) Pembaca Tahap 1: Kanak-kanak yang masih belum boleh membaca.
- b) Pembaca Tahap 2 : Kanak-kanak yang membaca secara tersekat-sekat.
- c) Pembaca Tahap 3: Kanak-kanak yang boleh membaca dengan lancar.

1.8.5 Buku Bertahap

Brabham dan Villaume (2002) juga menyatakan terdapat pelbagai cara bagi membuat kategori tahap teks, antaranya ialah berasaskan formula kebolehbacaan, menggunakan pelbagai kriteria yang berkaitan dengan peramalan bahasa, memformatkan teks (*text forming*), dan isikandungan.

Walaupun terdapat pelbagai jenis formula mengenai kebolehbacaan ini, namun kajian ini memberi tumpuan pada pemeringkatan teks mengikut tahap pembaca yang dikemukakan oleh Clay (1979). Ini kerana konsep teori beliau amat bersesuaian dengan perkembangan pembacaan kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Kemudian, teks bertahap ini diadaptasi dan telah dimurnikan oleh ramai pengkaji (Hiebert, 2002) dan hasilnya teks bertahap kini lebih pelbagai dan disesuaikan untuk objektif tertentu.

Buku teks bertahap dalam kajian ini merujuk kepada buku bertahap yang mengikut garis panduan yang dikemukakan oleh teori pemunculan literasi yang mengutamakan sistem peramalan bagi tujuan menyokong pembacaan kanak-kanak.



Dalam kajian ini buku tahap 1 merujuk kepada buku yang telah diolah bersesuaian dengan ciri-ciri pembaca tahap 1, sementara buku tahap 2 merujuk kepada buku cerita yang telah diolah bersesuaian dengan ciri-ciri pembaca tahap 2.

1.8.6 Konsep Cetakan

Menurut Clay (2005), konsep cetakan adalah mengenali huruf dan perkataan, memahami yang perkataan terdiri daripada huruf-huruf, dan ayat terdiri daripada perkataan, mengetahui yang perkataan ialah apa yang kita baca, mengetahui di mana patut bermula bagi membaca buku dan bagaimana teks berkembang. Seseengah kanak-kanak mungkin telah memperoleh konsep cetakan sebelum mereka melangkah



ke alam persekolahan lagi (Clay, 2005).

Konsep cetakan dalam kajian ini merujuk kepada perspektif kanak-kanak tentang fungsi cetakan teks yang terdapat di dalam buku.

1.8.7 Strategi Membaca

Pembaca yang baik memanipulasikan rangkaian bahasa, petunjuk dari persepsi spatial dan visual dan memilihnya secara implisit tetapi berkesan, mencari hubungan yang tidak harmoni dan penyelesaian yang terbaik. Kanak-kanak secara beransur-ansur belajar untuk mengkoordinasi isi, sintaksis dan panduan visual sebagai cara untuk membaca. Begitu juga kanak-kanak cuba menyatukan pengalamannya,





kecekapan berbahasa dan pengetahuan mengenai simbol visual dalam mukasurat untuk menghuraikan apa yang tertulis dan juga memahami maksud teks (Clay, 2005).

Strategi membaca dalam kajian ini merujuk kepada pelbagai strategi yang digunakan oleh kanak-kanak untuk memahami bahan bacaannya.

1.8.8 Kesedaran Fonemik dan Fonetik

Sebelum kanak-kanak belajar membaca cetakan, mereka perlu mengetahui bunyi-bunyi yang membentuk perkataan. Mereka harus faham yang perkataan-perkataan adalah terdiri daripada bunyi-bunyi pertuturan ataupun fonem (Center for the Improvement of Early Reading Achievement [CIERA], 2001).

Kesedaran fonetik pula merujuk pada hubungan antara huruf penulisan dengan setiap bunyi (fonem) dalam bahasa pertuturan. Ianya perlu bagi menguasai kemahiran membaca dan menulis (CIERA, 2001). Dalam konteks bahasa Melayu, kesedaran fonetik menurut Sofiah (1985) dan Zulkifley (2006), pengajaran bacaan dimulakan dengan penyebutan fonetik bunyi-bunyi huruf. Kemudian, bunyi-bunyi itu digabungkan menjadi unit yang lebih besar, iaitu suku kata dan seterusnya perkataan.

Kemahiran fonemik dan fonetik dalam kajian ini merujuk kepada proses menyah kod yang digunakan oleh kanak-kanak bagi tujuan memahami pembacaan.



1.8.9 Kefahaman

Kefahaman ialah sebab untuk membaca. Jika pembaca boleh membaca perkataan-perkataan tetapi tidak memahami apa yang dibacanya, maka dia bukannya membaca (CIERA, 2001). Kefahaman ialah keupayaan membina, mentafsir dan menilai sesuatu dengan sepenuhnya tentang apa yang dibaca. Kefahaman juga merupakan suatu proses mendapatkan makna daripada komunikasi sama ada melalui lisan, tulisan, atau lambang-lambang tertentu (Marohaini, 1989).

Kemahiran kefahaman dalam kajian ini merujuk kepada proses memahami bahan bacaan yang dibaca oleh kanak-kanak.

1.9 Kesimpulan

Pemilihan buku yang sesuai bagi peringkat umur yang tertentu adalah amat penting bagi pembacaan kanak-kanak. Ini kerana pada peringkat awal bacaan, minat dan penghayatan kanak-kanak terhadap buku tersebut akan memotivasikan mereka untuk mencari formula bagi menyah kod bacaan agar mereka boleh membaca sendiri buku yang disukainya.

Dengan ini, jelaslah betapa perlunya kita menyediakan buku yang bersesuaian untuk kanak-kanak agar mereka boleh memperoleh kemahiran awal bacaan dan memotivasikan mereka untuk terus membaca.